

04/07/2001

Dua badan sambut baik tabung bantu usahawan bermasalah

Nor Liza Ahmad

DEWAN Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) menyambut baik langkah penubuhan Tabung Pemulihan Dan Pembangunan Usahawan (TPPU) bernilai RM500 juta dan yakin ia mampu menggerakkan semula perniagaan usahawan Bumiputera yang antara lain dibelenggu hutang tidak berbayar (NPL).

Presiden DPMM, Datuk Seri Abdul Rahman Maidin, ketika dihubungi Berita Harian berkata, dewan akan terus memberi sokongan terhadap usaha kerajaan bagi memastikan program itu dilaksanakan secara berkesan.

Katanya, DPMM akan memberi penjelasan kepada semua ahlinya mengenai tabung berkenaan di samping memantau perkembangannya, malah bersedia memberi input kepada kerajaan mengenai program berkenaan pada masa depan.

Justeru, beliau meminta semua pihak yang terbabit termasuk usahawan dan institusi perbankan supaya memberi kerjasama bagi merealisasikan matlamat kerajaan itu.

"Kriteria yang ditetapkan kerajaan bagi program penyelesaian NPL ini dilihat menepati kegiatan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan perniagaan kelas menengah. Apa yang lebih penting, pihak bank tidak mengenakan syarat ketat terhadap permohonan pinjaman menerusi skim ini.

"Maklumat mengenai program ini seharusnya diperjelaskan kepada semua pihak terbabit sama ada usahawan dan juga pihak bank supaya tidak timbul sebarang kesukaran pada masa depan," katanya.

Abdul Rahman berkata, jumlah maksimum pinjaman sebanyak RM3 juta dilihat menepati keperluan PKS.

Penubuhan TPPU itu dan peruntukannya diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan beberapa tindakan bagi mengekang kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS), termasuk penyuntikan RM3 bilion untuk belanjawan tambahan, pada 27 Mac lalu.

Semalam, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan dalam satu kenyataan berkata, kerajaan sememangnya prihatin terhadap masalah usahawan khususnya pengusaha kecil dan sederhana Bumiputera yang dibelenggu masalah NPL.

Beliau berkata, penubuhan program khas TPPU akan memberi nafas baru kepada lebih 10,000 usahawan Bumiputera.

Sementara itu, Timbalan Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Mohd Amar Mohd Din, berkata penubuhan peruntukan dana berkenaan berupaya menjadi saluran berkesan membantu usahawan Bumiputera memperoleh sumber kewangan.

"PKMM akan memastikan ahli dapat memanfaatkan sebaik mungkin TPPU untuk mendapatkan pembiayaan bagi menjelaskan NPL mereka.

"Dalam kedudukan ekonomi sekarang, peruntukan khusus sebanyak RM120 juta bagi menyelesaikan NPL, mampu meringankan beban yang ditanggung.

Bagi tujuan berkenaan, PKMM yang kini dianggotai kira-kira 7,000 kontraktor Bumiputera di seluruh negara akan mengadakan pertemuan dengan ERF Sdn Bhd (ERF) yang akan menguruskan operasi TPPU.

(END)